

PENGETAHUAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM KALANGAN GURU PELATIH PISMP DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

*Rorlinda Yusof
Faridah Anum Abdul Wahid*

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru pelatih terhadap konsep-konsep utama Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Pengumpulan data dijalankan pada dua peringkat iaitu sebelum dan selepas pelajar menjalani sesi bengkel PBS. 72 orang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Semester 8 Ambilan Januari 2008, opsyen Pendidikan Khas dan Pendidikan Seni Visual di Institusi Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, dipilih secara rawak untuk memberi respon kepada empat soalan struktur, iaitu konsep asas PBS, Standard Pembelajaran, Standard Prestasi, dan ciri semasa pembinaan instrumen pentaksiran. Data telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif (kekerapan dan peratus). Analisis data awal menunjukkan guru-guru pelatih mempunyai tahap pengetahuan yang rendah pada keempat-empat konsep asas PBS sebelum menjalani bengkel Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan menunjukkan peningkatan aspek kefahaman selepas menjalani bengkel PBS. Hasil dapatan menunjukkan daripada 72 orang sampel kajian, 40.3% didapati sangat jelas dengan konsep PBS selepas menjalani bengkel PBS berbanding sebelum bengkel hanya 2.8%, dengan peningkatan sebanyak 37.5%. Seterusnya, 36.1% didapati sangat jelas dengan konsep standard pembelajaran selepas menjalani bengkel berbanding sebelum bengkel iaitu 1.4%. dengan peningkatan sebanyak 34.7%. Bagi pengetahuan konsep standard prestasi, didapati 41.7% didapati sangat jelas selepas bengkel berbanding sebelum bengkel iaitu 1.4%. dengan peningkatan sebanyak 40.3%. Akhir sekali tentang ciri penting semasa membina instrumen pentaksiran, 41.7% didapati sangat jelas selepas menghadiri bengkel PBS berbanding sebelum bengkel iaitu hanya 2.8% didapati sangat jelas dengan ciri tersebut dengan peningkatan sebanyak 38.9%. Hasil kajian membuktikan bahawa pendidikan tentang pengetahuan pentaksiran yang menyeluruh dan jelas penting kepada guru pelatih sebelum mereka menjalani tanggungjawab sebagai guru di sekolah. Usaha melengkapkan guru pelatih dengan pengetahuan dan kecekapan pentaksiran secara teori dan latihan amali perlu dilaksanakan semasa mereka berada dalam latihan perguruan bagi merealisasikan proses transformasi pentaksiran dalam pendidikan.

Kata kunci: *Pentaksiran Berasaskan Sekolah, guru pelatih*

Pengenalan

Pentaksiran adalah komponen penting dalam pendidikan kerana dapat memberi maklumat mengenai perkembangan murid kepada guru, ibubapa, dan murid itu sendiri. Hasil pentaksiran juga boleh membantu guru menilai dan menambahbaik kaedah pengajaran serta aktiviti yang dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sistem

Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang diperkenalkan pada tahun (2011) telah melibatkan transformasi daripada sebuah sistem pentaksiran yang berorientasi peperiksaan kepada sistem pentaksiran yang lebih holistik, iaitu yang dapat menilai dan mengukur potensi murid dari aspek perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Keprihatinan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kualiti pentaksiran negara bagi melahirkan modal insan berkualiti dan berkepakaran tinggi, setanding dengan sistem pentaksiran negara maju telah menjana persetujuan ahli mesyuarat Jemaah Menteri untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Sehubungan itu, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah diperkenalkan dalam Sistem Penilaian Pendidikan Kebangsaan pada tahun 2011 untuk murid Tahun Satu sekolah rendah dan pada tahun 2012 untuk pelajar Tingkatan Satu sekolah menengah. Pentaksiran ini selari dengan tuntutan Kurikulum Kebangsaan dan Misi Nasional serta Fokus ke lima dalam PIPP Teras Ke-2 (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006-2010) yang menjurus kepada usaha memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian. Pelaksanaan PBS bertujuan supaya Kurikulum Kebangsaan Pendidikan (1997) yang holistik dapat dilengkapkan dengan sistem pentaksiran dan penilaian yang juga bersifat holistik. Selain mentaksir murid secara holistik, pelaksanaan PBS juga bertujuan untuk melahirkan pelajar yang memiliki daya kemahiran berfikir aras tinggi (*High Order Thinking Skills_HOTs*). Sejalan dengan hasrat membangunkan modal insan yang berkepakaran tinggi bagi mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi (Tan Sri Muhyidin Yassin, 2010). Persoalan yang timbul ialah sejauh manakah kesediaan bakal-bakal guru untuk melaksanakan PBS. Kajian ini akan melihat beberapa aspek berkaitan kefahaman dan kesediaan guru-guru pelatih untuk melaksanakan PBS di sekolah.

Pernyataan masalah

Pentaksiran merupakan satu mekanisme dalam proses pengumpulan maklumat prestasi pelajar bagi tujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan pelaksanaannya banyak bergantung kepada tahap literasi pentaksiran guru (Arter, 2003; Mertler, 2005; dan Stiggins, 2002). Kajian literasi pentaksiran di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG) mendapati bahawa tahap pengetahuan pentaksiran guru-guru pelatih tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan pelbagai opsyen berada pada tahap yang rendah (Ismail, Mashitah, Faridah Anum, & Shaari 2012). Kelemahan yang dikenalpasti ialah pada lima konstruk utama iaitu konsep, tujuan dan objektif pentaksiran, jenis-jenis dan ciri ujian, pembinaan item, statistik asas dan pentadbiran ujian (Munira, Rorlinda, Chia, & Shaari, 2012).

Hasil kajian menunjukkan bahawa antara faktor yang menyumbang kepada kelemahan ialah pada aspek kurikulum pentaksiran di dalam program peringkat IPG. Pengetahuan asas pentaksiran tidak didedahkan kepada pelajar dalam mana-mana kurikulum pentaksiran kursus wajib, kursus teras, dan kursus elektif 1. Sebaliknya, kursus pentaksiran diperkenalkan terus dalam kursus major dan penekanannya lebih kepada aspek pengetahuan asas yang diajar secara teori. Justeru, kekurangan dari aspek amali atau praktis dan penyelarasan pada komponen-komponen dalam proforma pentaksiran bagi pelbagai kursus major telah mengakibatkan kurangnya kecekapan penguasaan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran pendidikan dalam kalangan guru pelatih.

Seterusnya, kajian ke atas guru permulaan lepasan Institut Pendidikan Guru Ilmu Khas di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor berkaitan pengetahuan dan kemahiran PBS mendapati bahawa subjek kajian berupaya menerangkan konsep pentaksiran dengan baik. Hal ini adalah berikutan inisiatif pihak sekolah yang membekalkan input dan latihan membina instrumen PBS melalui kursus dalaman kepada semua guru-guru

di sekolah (Mashitah, 2012). Bagaimanapun subjek kajian tersebut mengakui bahawa input pentaksiran yang diperolehi semasa di peringkat IPG adalah tidak mencukupi. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa masalah yang paling ketara dihadapi oleh subjek kajian ialah dari segi kurang mahir dalam membina soalan mengikut Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan kurang cekap dalam aspek pembinaan soalan mengikut pelbagai aras kesukaran kognitif murid menggunakan dokumen standard (KSSR). Justeru, subjek kajian tersebut mencadangkan supaya penambahbaikan yang berfokus dibuat ke atas kandungan kurikulum, pengetahuan konsep PBS dan kemahiran berkaitan JSU, pengurusan dan pentadbiran peperiksaan, statistik asas, dan latihan / amali dalam pelaksanaan kursus.

Cadangan tersebut sejajar dengan saranan Pengarah Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran, Datuk Mohd. Ghazali Ab. Rahman yang menegaskan agar guru-guru perlu dilengkapi dengan latihan kemahiran yang memenuhi tahap pelaksanaan PBS sebelum sistem pembelajaran baharu dilaksanakan sepenuhnya di sekolah (Utusan Pendidikan, 20/10/2012). Beliau seterusnya menyarankan agar pihak-pihak yang berkaitan perlu menyediakan program latihan yang sesuai dan mencukupi bagi meningkatkan pemahaman dan kecekapan guru terhadap PBS. Usaha ini bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memartabatkan profesyen perguruan melalui peningkatan kualiti guru dan kualiti pentaksiran (YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin dalam Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Sehubungan itu, kajian ini akan mengkaji secara khusus tentang aspek pemahaman guru-guru pelatih berkaitan konsep-konsep asas yang utama dalam PBS.

Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek pengetahuan tentang konsep-konsep pentaksiran dan keyakinan subjek kajian dalam membina alat atau instrumen pentaksiran di sekolah rendah dalam kalangan pelajar Semester 8 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Januari 2008. Secara khususnya, kajian ini akan menjawab persoalan tentang konsep-konsep utama dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) termasuk pengetahuan tentang konsep PBS, Standard Pembelajaran, Standard Prestasi, ciri penting semasa membina instrumen pentaksiran.

Sorotan Literatur

Kecenderungan untuk meningkatkan jumlah pelajar yang mencapai gred A atau lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan awam telah mendorong pihak sekolah mengadakan pelbagai program seperti gerak gempur, latih tubi menyelesaikan masalah, kelas-kelas intensif dan ceramah teknik menjawab soalan peperiksaan. Usaha ini secara tidak langsung telah membentuk budaya pengajaran guru dan pembelajaran murid yang lebih berorientasikan peperiksaan menerusi kaedah penghafalan. Natijahnya, meskipun kualiti keputusan peperiksaan awam menunjukkan peningkatan yang berterusan, namun apabila dibandingkan dengan penanda aras pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA, yang memfokus kepada pentaksiran yang mengukur pemikiran aras tinggi, prestasi pelajar Malaysia telah menurun antara tahun 1999 dan tahun 2007 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

Demikian juga dalam keputusan PISA (2012), peserta Malaysia berada dalam kelompok sepertiga terbawah dan berada pada kedudukan yang lebih rendah daripada purata antarabangsa. Berdasarkan keputusan tersebut, adalah menjadi tanggungjawab pihak KPM untuk meningkatkan kualiti sistem pentaksiran negara agar penguasaan kemahiran intelektual seperti literasi, numerasi dan kemahiran berfikir aras tinggi murid dapat diperkasa bagi membolehkan mereka berjaya dalam persaingan dan perubahan ekonomi global yang semakin meningkat. Hasil sorotan literatur menunjukkan bahawa PBS dapat meningkat kualiti prestasi murid di samping memberi kesan positif terhadap

peningkatan kualiti profesionalisme guru. *Queensland Studies Authority* (2010), mendapati pelaksanaan program PBS di institusi tersebut telah menghasilkan beberapa kebaikan khususnya dalam aspek pedagogi atau kaedah pengajaran dan aspek kualiti profesionalisme guru. Dari aspek pedagogi, PBS telah berjaya membina profesionalisme guru menerusi keupayaan guru untuk memenuhi keperluan murid yang mempunyai pelbagai gaya pembelajaran, menyediakan murid dengan situasi sebenar yang akan dihadapi dalam dunia pendidikan atau pekerjaan di masa hadapan dan memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan pengetahuan dan kebolehan sepenuhnya dalam sesuatu bidang yang perlu dikuasai.

Secara tidak langsung, pendekatan pedagogi yang autentik (melalui pengalaman dalam situasi sebenar) akan menggalakkan murid meningkatkan kemahiran pemikiran aras tinggi (*HOTs*). Dari segi peningkatan kualiti profesionalisme guru, PBS didapati telah menyediakan ruang guru sebagai *expert* yang boleh memberi maklumbalas terperinci untuk menambahbaik prestasi murid dalam bidang pengetahuan dan kemahiran yang diukur. Selain itu, guru juga boleh memilih pelbagai teknik pentaksiran (tugasan kumpulan, pembentangan lisan, maklumbalas praktikal, tugasan, ujian-ujian) untuk memenuhi keperluan pelbagai gaya pembelajaran murid. Dengan itu mereka dapat mengubahsuaikan kurikulum dengan kaedah pentaksiran mengikut keperluan setempat.

Secara tidak langsung menerusi PBS, guru boleh memperbaiki pengetahuan dalam pentaksiran dan amalan pentaksiran. Ini sekaligus dapat mempertingkatkan kualiti pembelajaran sendiri mereka. Dapatan ini disokong dengan kajian *Queensland Studies Authority* (2010) yang mendapati PBS memerlukan guru-guru yang mempunyai wawasan, bersikap positif dan kreatif dan inovatif. Kepentingan kualiti guru merupakan bahagian paling utama dalam perancangan pendidikan seperti yang ungkapan Tan Sri Murad Mohammad Nor dalam Hamzah dan Sinnasamy (2009, m.s 14) "*The most important part in the implementation of any plan, is the teachers. However good the plan is, it will be of no use if the teachers do not implement it well.*"

Sehubungan itu, beberapa hasil kajian PBS dalam negara menunjukkan bahawa guru-guru didapati kekurangan aspek pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan PBS seperti dalam pentaksiran lisan Bahasa Inggeris meskipun telah dibekalkan dengan garis panduan dan objektif pentaksiran oleh pihak Lembaga Peperiksaan KPM (Hamzah & Sinnasamy, 2009). Contohnya kajian oleh Faizah (2011) tentang tahap kesedaran guru terhadap pelaksanaan PBS menghasilkan dapatan yang pelbagai. Dapatan beliau menunjukkan perkara pertama yang diambil berat oleh guru-guru berhubung PBS ialah tentang inovasi dan keperihatinan mereka terhadap inovasi adalah pelbagai. Seterusnya pada aspek *Informational-Personal* yang menunjukkan walaupun guru-guru sedar tentang PBS khususnya berkaitan ciri-ciri, kesan, dan keperluan, namun mereka masih mempunyai keraguan tentang kebolehan mereka untuk memenuhi kehendak sekolah dan peranan mereka dalam PBS.

Dapatan ini menyokong hasil kajian Hamzah dan Sinnasamy (2009) yang mendapati guru-guru menghadapi masalah dalam melaksanakan PBS. Seterusnya kebimbangan guru-guru terhadap *Consequence-Collaboration* menunjukkan kebimbangan terhadap kesan pentaksiran terhadap murid mereka dan bagaimana untuk membantu murid memahami peranan murid dalam PBS. Kebimbangan selanjutnya adalah pada aspek maklumbalas murid terhadap inovasi yang dijalankan dan penambahbaikan yang diperlukan. Kebimbangan yang dikenalpasti dalam kajian di atas menyokong pandangan Weir (1994) yang mendapati pelaksanaan pentaksiran formatif seperti PBS memerlukan perubahan yang bersungguh-sungguh dalam persepsi guru, khususnya tentang peranan mereka terhadap murid dan persepsi mereka terhadap amalan PBS dalam bilik darjah. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru sedar tentang kepentingan kerjasama dalam PBS. Kesedaran ini boleh dimaksimakan dalam kursus atau latihan dalam perkhidmatan sebagai

langkah untuk mengurangkan kebimbangan yang mendalam terhadap tuntutan pihak sekolah terhadap mereka berkaitan PBS. Sehubungan itu, sekiranya guru-guru tidak diberi latihan dan pendedahan tentang PBS, berkemungkinan guru-guru akan melaksanakan PBS secara *superficial* dan akan kembali kepada amalan penilaian yang lama dan akan membentuk sikap negatif terhadap pelaksanaan PBS (Hamzah & Sinnasamy, 2009).

Pandangan ini selari dengan kajian Ferguson (2009) yang mendapati terdapat bukti bahawa pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan PBS masih kurang, meskipun panduan dan matlamat pelaksanaannya telah digariskan oleh pihak kementerian. Beliau mendapati lebih banyak bengkel dan perbincangan terbuka tentang cabaran dan isu-isu dalam pelaksanaan PBS perlu dilakukan. Maklumbalas yang diterima daripada guru-guru dan pelajar boleh menyediakan maklumat kepada pihak kementerian dalam usaha untuk membuat penambahbaikan dan modifikasi dalam polisi dan garis panduan pentaksiran yang digunakan.

Kaedah

Reka bentuk kajian yang digunakan bergantung kepada tujuan sesuatu kajian (Maxwell, 2005). Bersesuaian dengan tujuan kajian untuk melihat aspek pengetahuan pelajar tentang konsep-konsep asas PBS dan jenis-jenis instrumen pentaksiran PBS yang digunakan di sekolah rendah, maka kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif menerusi soal selidik soalan berstruktur yang ditadbir pada dua peringkat, iaitu sebelum dan selepas pelajar menjalani sesi bengkel pentaksiran PBS yang dijalankan selama dua hari. Pengumpulan data soal selidik peringkat pertama (Pra) ialah pada sesi awal sebelum pelajar-pelajar menjalani bengkel PBS. Selepas menjawab soal selidik, pelajar didedahkan dengan konsep dan komponen-komponen utama dalam PBS secara teori dan menjalani sesi bengkel pembinaan instrumen PBS secara berkumpulan mengikut kursus major masing-masing. Pengumpulan data soal selidik peringkat kedua dilakukan selepas pelajar menjalani bengkel teoritikal dan praktikal. Selain itu, kaedah pemerhatian semasa bengkel pembinaan alat pentaksiran dan sesi temubual turut dilakukan bagi tujuan pengumpulan data yang dapat menyokong dapatan secara kuantitatif.

Sampel kajian

Kajian ini melibatkan sampel seramai 72 orang yang dipilih secara rawak. Sampel terdiri daripada pelajar-pelajar Semester 8 (PISMP Ambilan Januari 2009) opsyen Pendidikan Khas dan Pendidikan Seni Visual, di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Sampel kajian ini dipilih kerana dua kumpulan ini dibimbing dan dipantau sendiri pelaksanaan bengkelnya oleh penyelidik dan memudahkan pengumpulan borang soal-selidik dan proses temubual.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik soalan terbuka. Empat soalan struktur mencakupi aspek kefahaman konsep PBS, standard pembelajaran, standard prestasi, dan ciri penting dalam pembinaan alat pentaksiran. Soalan struktur ini ditadbir kepada pelajar sebelum dan selepas sesi bengkel teori dan praktikal PBS dijalankan.

Soalan Kajian

Apakah yang anda faham tentang Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
Berikan penjelasan anda tentang Standard Pembelajaran?
Nyatakan kefahaman anda tentang Standard Prestasi?
Apakah ciri-ciri penting semasa membina instrumen pentaksiran?

Analisis Data

Analisis data adalah bersesuaian dengan tujuan kajian untuk mengkaji aspek pengetahuan konsep-konsep PBS dalam kalangan pelajar Semester 8 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Januari 2008. Bagi pungutan data kualitatif di atas, tahap pengetahuan konsep PBS dalam kalangan guru pelatih dibahagikan kepada empat kategori iaitu sangat tidak jelas, tidak jelas, jelas dan sangat jelas merupakan intepretasi pelajar tentang pengetahuan konsep PBS. Data kualitatif dianalisis secara deskriptif (kuantitatif) bagi mendapatkan peratusan skor perbandingan di antara ujian pra dan ujian pos.


Keputusan

Dapatan kajian dibincangkan bagi menjawab persoalan tentang kefahaman pelajar tentang konsep-konsep utama dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang merangkumi; (i) pengetahuan tentang konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), (ii) konsep Standard Pembelajaran, (iii) konsep Standard Prestasi, dan (iv) ciri penting semasa membina instrumen pentaksiran mengikut mata pelajaran.

Jadual 1

Taburan Peratusan Responden bagi Pengetahuan Konsep-konsep PBS

SOALAN	n	UJIAN	TAHAP PENGETAHUAN			
			Sangat Tidak Jelas	Tidak Jelas	Jelas	Sangat Jelas
i.	72	ujian pra	26 (36.1)	31 (43.1)	13 (18.1)	2 (2.8)
		ujian pos	-	9 (12.5)	34 (47.2)	29 (40.3)
ii.	72	ujian pra	32 (44.5)	27 (37.5)	12 (16.0)	1 (1.4)
		ujian pos	-	9 (12.5)	37 (51.4)	26 (36.1)
iii.	72	ujian pra	33 (45.8)	27 (37.5)	11 (15.3)	1 (1.4)
		ujian pos	-	12 (16.7)	30 (41.7)	30 (41.7)
iv.	72	ujian pra	28 (38.9)	32 (44.4)	10 (13.9)	2 (2.8)
		ujian pos	-	12 (16.7)	30 (41.7)	30 (41.7)



Rajah 1. Graf Bar perbandingan dapatan pengetahuan konsep utama PBS sebelum dan selepas Bengkel PBS

Secara keseluruhan, hasil dapatan menunjukkan bahawa aras pengetahuan pelajar terhadap ke empat-empat konsep utama dalam PBS sebelum menjalani sesi bengkel pendedahan konsep PBS adalah rendah berbanding selepas menjalani bengkel PBS.

Bagi soalan pertama tentang pengetahuan asas konsep PBS, 40.3% pelajar didapati sangat jelas selepas menjalani bengkel PBS berbanding sebelum bengkel hanya 2.8% didapati sangat jelas dan 36.1% sangat tidak jelas. Data menunjukkan peningkatan pengetahuan konsep PBS sangat jelas sebanyak 37.5%

Bagi soalan kedua tentang maksud Standard Pembelajaran, 36.1% didapati sangat jelas selepas menjalani bengkel berbanding sebelum bengkel hanya 1.4% didapati sangat jelas dan 44.5% sangat tidak jelas. Data menunjukkan peningkatan konsep Standard Pembelajaran sangat jelas sebanyak 34.7%.

Seterusnya, bagi soalan ketiga tentang maksud Standard Prestasi, 41.7% didapati sangat jelas selepas bengkel berbanding sebelum bengkel hanya 1.4% didapati sangat jelas dan 45.8% didapati sangat tidak jelas. Data menunjukkan peningkatan konsep Standard Prestasi sangat jelas sebanyak 40.3%.

Akhir sekali bagi soalan keempat tentang ciri penting semasa membina instrumen pentaksiran, 41.7% didapati sangat jelas selepas menghadiri bengkel PBS berbanding sebelum bengkel hanya 2.8% sangat jelas dan 38.9% didapati sangat tidak jelas dengan ciri tersebut. Data menunjukkan peningkatan pengetahuan ciri penting semasa pembinaan instrumen pentaksiran sangat jelas, sebanyak 38.9%.

Hasil dapatan kajian secara kuantitatif telah disokong dengan data kualitatif melalui temubual yang menunjukkan terdapat peningkatan dalam kefahaman baru yang lebih jelas setelah pelajar mengikuti sesi bengkel pentaksiran secara teoritikal dan praktikal. Ini dibuktikan dengan pernyataan yang berbunyi...*“ Selepas bengkel ini barulah saya jelas dengan PBS dan tahu apa yang kami perlu lakukan apabila berada di sekolah.”* dan *“...sebelum ini kami blur (kabur) juga tentang PBS sebab dulu guru-guru boleh buat soalan peperiksaan dengan mudah saja..boleh “cut and paste” soalan lama-lama, tapi sekarang guru-guru kena sama-sama buat instrumen pentaksiran, kalau tidak, tak tahu nak gunakan pulak”*.

Selain itu, pelajar juga telah diperkenalkan dengan contoh-contoh instrumen pentaksiran PBS yang digunakan di sekolah rendah pada masa kini. Pendedahan terhadap instrumen PBS yang autentik mengikut subjek pengkhususan telah dapat menjana kesedaran pelajar tentang pentingnya peranan dan tanggungjawab mereka dalam PBS apabila berada dalam sistem persekolahan kelak. Kesedaran ini dapat dilihat menerusi soalan-soalan yang dikemukakan dalam sesi soal jawab di akhir slot perkongsian maklumat PBS. Antara soalan yang menggambarkan kesedaran tanggungjawab ialah *“...kami sedar tentang peranan kami dalam PBS sangat mencabar, tapi apa yang kami rasa lebih mencabar ialah kepercayaan pihak sekolah kepada kami yang masih baru dalam perkara ini.”* Isu di sebalik persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh pelajar memberi gambaran tentang aspek keyakinan mereka dalam melaksanakan PBS.

Perbincangan, Cadangan dan Implikasi

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan pengetahuan guru pelatih terhadap konsep-konsep utama dalam PBS masih berada pada tahap rendah. Dapatan ini sejajar dengan kajian Hamzah dan Sinnasamy (2009), Faizah (2011), dan Ferguson (2009) yang menunjukkan bahawa guru-guru masih kekurangan dari aspek pengetahuan, kemahiran, dan rendah tahap kesedaran terhadap pelaksanaan PBS. Hasil kajian ini memberi implikasi ke atas proses latihan guru supaya menyediakan kurikulum pendidikan pentaksiran yang menyeluruh dan standard bagi semua bidang pengkhususan, dengan memasukkan ciri-ciri atau elemen PBS (teori dan amali) dalam kurikulum berkenaan. Hal ini bertujuan supaya konsep-konsep asas pentaksiran termasuk PBS dapat diterapkan dengan mantap dalam pemahaman mereka.

Hal ini selari dengan saranan Datuk Mohd. Ghazali Ab. Rahman (2012) agar guru-guru dilengkapi dengan latihan kemahiran bagi memenuhi tahap pemahaman dan kecekapan terhadap PBS. Sekiranya latihan tidak disediakan, berkemungkinan guru-guru akan melaksanakan PBS secara *superficial* dan akan kembali kepada amalan pentaksiran yang lama atau membentuk sikap negatif terhadap PBS (Hamzah dan Sinnasamy 2009). Ringkasnya, kajian ini mencadangkan supaya pendedahan secara mendalam tentang konsep-konsep dan amalan dalam PBS perlu diberi kepada guru-guru pelatih sebelum mereka memulakan tanggungjawab sebagai guru di sekolah. Pengetahuan dan kemahiran yang dibekalkan oleh pihak institut akan dapat menjana keyakinan dan kecekapan guru-

guru pelatih untuk memikul amanah melaksanakan pentaksiran semasa berada di sekolah kelak.

Kesimpulan

Kecekapan pentaksiran berasaskan sekolah(PBS) penting untuk difahami dan dikuasai oleh para guru khususnya guru pelatih. Matlamat akhir transformasi pentaksiran adalah untuk melahirkan pelajar yang bukan setakat tahu, faham dan boleh melakukan ilmu atau kemahiran yang dipelajari, malah boleh mengamalkannya secara beradab mithali. Tahap pencapaian tertinggi ini hanya boleh dicapai menerusi sistem pentaksiran pendidikan yang berbentuk autentik dan formatif. Selain itu, bentuk pentaksiran ini menuntut kesediaan, kreativiti, komitmen dan keupayaan berfikir aras tinggi daripada kumpulan pelaksana iaitu para guru.

Rujukan

- Arter, J.A. (2003). *Assessment for learning: Classroom assessment to improvise student achievement and well-being*. (ERIC Document Reproduction Service No.ED123)
- Faizah A. Majid. (2011). School-based Assessment in Malaysian Schools: The Concerns of the English Teachers. *Journal of US-China Education Review*, 8 (10).
- Ferguson-Patrick, K. (2009). *Cooperative Learning and quality teaching: early career teachers striving for quality*. A paper presented at The 16th International Conference on Learning, Barcelona, 1 – 4 July 2009.
- Hamzah, M.O. & Sinnasamy, P. (2009). Between the ideal and reality: teachers' perception of the implementation of school-based oral English assessment. *The English Teacher*, 38 (13 – 29).
- Ismail Raduan, Mashitah Taib, Faridah Anum, & Shaari Osman. (2012). Mengkaji pengetahuan pentaksiran dalam kalangan pelajar PISMP Semester 8 Ambilan Januari 2008 (Pendidikan Khas) di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Prosiding Penyelidikan Pendidikan Guru Malaysia-Indonesia. 2-4 Okt. Anjuran IPG Kampus Ilmu Khas dan Universitas Negeri Padang, Indonesia, ms 143-147.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kuala Lumpur: PPN_Preliminary-Blueprint
- Maxwell, J.A. (2005). *Qualitative research design. An interactive approach (2nd. ed.)*. USA: Sage Publications. Inc.
- Mertler, C. A. (2005). Patterns of response and not response from teachers to traditional and web surveys. *Practical Assessment, Research and Evaluation*, 8(22).
- Munira, Rorlinda, Chia, & Shaari. (2012). Pengetahuan pentaksiran dalam kalangan guru pelatih PISMP (Opsyen Pendidikan Jasmani) di Institusi Pendidikan Guru, Kuala Lumpur. Prosiding Penyelidikan Pendidikan Guru Malaysia-Indonesia. 2-4 Okt, ms 148 – 151.

Queensland Studies Authority. (2010). *School-based assessment: The Queensland system*.
Published February 2010 © The State of Queensland (Queensland Studies
Authority)

Stiggins, R.J. (2002). Assessment crisis. The absence of assessment for learning. *PhiDelta
Kappan*, 83, 758-765.

Tsheko. G.N. (1998). *A teacher with a vision and school based assessment*. University of
Botswana

Weir, C.J. (1994). *Understanding and developing language tests*. London: Prentice Hall.